



Sebenarnya, **ketua yang hebat** tidak perlu untuk menjadi “king”, sebaliknya perlu menjadi “king maker.” Caranya? Dengan melihat ciri-ciri kekuatan dan kelemahan yang ada dalam setiap individu yang berada di dalam organisasinya serta cuba sedaya upaya memancarkan kekuatan mereka. Pada masa yang sama, ketua itu perlu juga melihat aspek-aspek kelemahan yang ada serta berusaha mencari jalan untuk mengatasi masalah itu.

Malangnya, kebanyakan ketua organisasi bertindak sebaliknya. Mereka sebagai ketua cuba untuk mencari-cari kesalahan yang dilakukan oleh pekerja dan orang bawahan, bahkan hanya ingin menonjolkan dirinya sahaja dan mengetepikan mereka.

Bukankah pepatah ada mengatakan, “Ular menyusur akar tidak akan hilang bisanya.” Justeru, pemimpin tidak perlulah bersikap seperti seorang bos. Caranya, tidak perlulah hanya tahu mengambil kredit atas kejayaan yang diusahakan oleh pekerja dan orang bawahan sahaja. Sebaiknya kredit tersebut perlulah diberikan kepada pekerja yang telah banyak berusaha untuk menaikkan organisasi.

### Ego dalam Mengurus

Antara virus lain yang menjangkiti sesebuah organisasi ialah sikap ego. Tidak dapat dinafikan bahawa sebagai manusia, kita tidak terlepas daripada sikap ego, angkuh, sombong serta riyak. Ada yang memiliki sikap ini secara terang-terangan dan ada pula yang tidak ditonjolkan.

Sekiranya kita sentiasa merasakan diri kitalah yang lebih baik, lebih bagus, lebih hebat dan lebih dalam pelbagai perkara, maka jelas sekali kita sudah dihindangi virus ego dan angkuh. Begitu juga sekiranya kita berasa mudah tercabar apabila ditegur orang bawahan, orang yang lebih muda atau orang yang tiada sebarang pangkat, maka ketahuilah bahawa keangkuhan itu telah wujud dalam diri kita.

Bukankah Nabi s.a.w. pernah mengingatkan: “Tidak akan masuk syurga orang yang dalam hatinya

# Virus dalam Organisasi

**O**rganisasi merupakan sekumpulan individu baik di dalam agensi kerajaan, swasta mahupun yang bukan berstatus syarikat. Pergerakan sesebuah organisasi itu pula menjurus kepada usaha mencapai visi dan misi entiti tersebut. Walau bagaimanapun, kejayaannya bergantung kepada sejauh mana kelestarian yang melibatkan penggabungan idea dan usaha serta kemampuan pemimpinnya untuk mengaktifkan kekuatan dan kebolehan ahli yang ada.

Namun begitu, apa yang saya ingin ketengahkan di sini adalah berkenaan budaya yang boleh mendatangkan virus ke dalam sesebuah organisasi. Semua itu merupakan hasil dapatan saya daripada pelbagai bengkel kepimpinan

serta proses diagnos ketika saya menjalankan sesi bimbingan khusus, latihan dan *due diligence* di syarikat-syarikat usahawan.

### Si Raja Jadian

Keadaan ini terjadi apabila seseorang ketua dalam sesebuah organisasi atau syarikat mula menonjolkan dirinya sebagai “raja”. Ketua yang dimaksudkan itu pula boleh jadi ketua jabatan, ketua syarikat, pemilik syarikat, bahkan ketua sesebuah organisasi NGO. Punca, sikap ketua yang merasakan bahawa dialah sahaja yang paling hebat dan betul dalam organisasi.

### AZAD JASMI

Principal Trainer dan Pengarah Automotive TIC (TAJ International College). Beliau juga merupakan Business Coach dan Trainer bersama INSKEN, TERAJU, SME Banks dan juga Jurulatih Pemanduan Profesional.

Untuk sebarang sesi latihan atau coaching boleh hubungi beliau di [azadjasmi@yahoo.com](mailto:azadjasmi@yahoo.com)



terdapat seberat biji sawi daripada kesombongan.”

Seorang lelaki bertanya: “Sesungguhnya seorang lelaki itu menyukai apabila baju dan kasutnya cantik (adakah ia termasuk dalam kesombongan)?”

Baginda menjawab: “Sesungguhnya Allah itu cantik dan menyukai yang cantik, manakala kesombongan itu bererti menolak kebenaran dan meremehkan manusia.” (Riwayat Muslim)

Jika kita tidak boleh ditegur oleh kakitangan kita, maka kita sudah bersikap ego. Jika kita sebagai kakitangan pula tidak boleh menerima teguran daripada ketua, kita sudah takbur. Walhal, kita sendiri lahir ke dunia tanpa seurat benang pun. Maka, mengapa kita perlu sombong dan angkuh di atas muka bumi Allah ini?

### Betulan yang Biasa

Oleh itu, bagi menghapuskan virus dalam organisasi kita, saya cadangkan beberapa langkah yang perlu dilakukan khususnya oleh seseorang ketua dalam organisasi.

Melakukan company health diagnose bagi melihat kekuatan dan kelemahan syarikat dan seterusnya melihat kepada perancangan sumber manusia dari segi bentuk latihan yang diperlukan oleh pekerja.



Berbincang dengan pekerja tentang bagaimana mereka boleh meningkatkan kekuatan mereka dan apakah yang syarikat perlu lakukan untuk bantu kurangkan kelemahan mereka.



Bertanya pekerja yang sentiasa datang lewat untuk mengetahui apa puncanya.



Bersikap rendah diri dan tidak menganggap diri sebagai boss kerana kekuatan syarikat bukan bergantung kepada hanya seorang ketua sahaja.



“  
*Kekuatan sesebuah organisasi itu bergantung kepada gabungan minda dan usaha setiap satu unit di dalamnya. Seorang ketua perlu melakukan penilaian secara menyeluruh.*  
”

Kekuatan sesebuah organisasi itu bergantung kepada gabungan minda dan usaha setiap satu unit di dalamnya. Seorang ketua perlu melakukan penilaian secara menyeluruh.

Jikalau anda menilai Pagani Zonda dari segi jumlah tempat duduknya, sudah pasti anda akan lihat terdapat

kelemahan dari segi jumlah tempat duduk jika dibandingkan dengan mana-mana MPV. Namun, jika anda melihat kekuatan Pagani dari segi prestasi enjin, brek dan juga keutuhan imej dan jenamanya, lain pula bandingannya.

Begitulah analoginya...

Seorang ketua perlu memimpin mindset dan motivasi pekerjanya selain daripada perlu mengetahui titik kekuatan mereka dan kemudian mengaktifkannya. Begitu juga dengan kelemahan. Seorang ketua perlu bertindak bagi mengatasinya.

Dengan cara itu, kesemua unit dalam organisasi dapat disepadukan dan seterusnya impian untuk mencapai visi dan misi akan

menjadi lebih mudah. S

	Biasa: 2 minit 30 saat
	Pantas: 0 minit 10 saat

IMBAS DI SINI



Sesi coaching ringkas bersama Encik Azad Jasmi Siri 2

### BICARA SOLUSI

Aku belajar sifat akar. Meskipun tidak terlihat dan terbenam di tanah serta sering diinjak-injak, tetap ikhlas berbakti kukuhkan pokok tanpa perlu pujian.

AZAD JASMI

